

Pengeluaran getah asli negara meningkat 20.1 peratus

Pengeluaran getah asli Malaysia meningkat 20.1 peratus kepada 25,608 tan pada Mei 2024 daripada 21,325 tan pada bulan sebelumnya, demikian Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM).

Ketua Perangkawan Malaysia, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin, berkata bagi perbandingan tahun ke tahun, pengeluaran getah asli menokok sebanyak 6.1 peratus daripada 24,126 tan pada Mei 2023.

"Pengeluaran getah asli Malaysia bagi Mei 2024 disumbangkan, terutama oleh sektor pekebun kecil (88.2 peratus) berbanding sektor estet (11.8 peratus)," katanya dalam kenyataan media Perangkaan Getah Bulanan Malaysia Mei 2024, semalam.

Pasaran getah Kuala Lumpur mencatat peningkatan selepas Getah Mutu Malaysia GMM 20 atau SMR 20 melonjak ke tahap tertinggi pada 840 sen sekilogram sejak April 2017 sebelum berkurangan menjelang penghujung bulan.


"Secara amnya, sentimen pasaran dirangsang oleh saranan lebih kukuh dalam pasaran hadapan getah serantau di tengah kebimbangan bekalan bahan mentah global terhad di kebanyakan negara pengeluar utama berikutan cuaca lebat.

"Sentimen pasaran juga disokong oleh jualan kereta yang kukuh di China serta langkah rangsangan terkini yang diumumkan bagi meningkatkan ekonomi China," katanya.

Pada Mei 2024, harga purata bulanan bagi lateks pekat meningkat 1.2 peratus kepada 742.36 sen sekilogram daripada 733.58 sen pada April 2024 manakala getah sekerap menokok 2.7 peratus kepada 657.16 sen sekilogram daripada 639.62 sen pada bulan sebelumnya.

Menurut DOSM, harga bagi semua jenis Getah Mutu Malaysia naik 1.2 peratus hingga 3.2 peratus pada Mei 2024 berbanding April 2024.

Dalam pada itu, jumlah stok simpanan getah asli pada Mei 2024 turun 16.9 peratus kepada 175,368 tan daripada 211,119 tan pada April 2024 dengan kilang pemproses getah menyumbang stok akhir sebanyak 91.4 peratus dan diikuti kilang pengguna getah (8.5 peratus) serta estet getah (0.1 peratus).



Mohd Uzir
Mahidin